

Teroka bidang vaksin dengan Cuba

UM 26 APR 2005

SERI KEMBANGAN 25
April – Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia boleh memanfaatkan hubungan baik dengan Cuba melalui kerjasama dalam pembangunan bidang bioteknologi terutama membabitkan pengeluaran vaksin.

Bekas Perdana Menteri berkata, tekanan ekonomi oleh kuasa besar menyebabkan republik itu berjaya meneroka sendiri pelbagai bidang termasuk perubatan.

Sehubungan itu beliau berkata, negara ini boleh menggunakan teknologi pengeluaran vaksin dari republik itu dengan memastikan bahan yang digunakan adalah halal.

“Dalam lawatan ke Cuba dulu saya dapati mereka berjaya dan agak maju dalam bidang pengeluaran vaksin, ubat kanser dan pelbagai jenis barangan perubatan.

“Jadi jika kita ada kebolehan maka kita wajib untuk mengeluarkannya (vaksin), tidak boleh kata gunakan saja yang ada walaupun dalam keadaan kecemasan kita tidak harus persoalkan (halal atau haram),” kata kepada *Utusan Malaysia* dan *Radio dan Televisyen Malaysia* (RTM) di kediamannya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas menerima kunjungan hormat Naib Presiden Pertama Cuba, Raul Castro Ruz yang sedang melakukan lawatan rasmi empat hari ke Malaysia bermula Sabtu lalu.

Turut menyambut kedatangan Raul Castro ialah isteri Dr. Mahathir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali. Dr. Mahathir berkata, kunjungan itu adalah atas permintaan Presiden Fidel Castro iaitu abang Raul Castro.